



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 22 JANUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TEKNOLOGI PENUAIAN MODEN BANTU TANGANI ISU LAMBAKAN DURIAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 11	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
2.	LKIM TANGGUH BANTUAN SEHINGGA NELAYAN PATUH PERATURAN PERIKANAN , DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
3.	KADAR POTONGAN PEMUTUAN PADI DIDAKWA MELAMPAU, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 22	LAIN – LAIN
4.	BUAH TEMPATAN LEBIH MAHAL BERBANDING BUAH IMPORT?, FORUM, KOSMO, M/S – 11	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Teknologi penuaian moden bantu tangani isu lambakan durian

Oleh **NURARIENAH**

SYAZWANY AHMAD PAUZI
utusanews@mediamulla.com.my

jangan hayat simpanan membolehkan lebih pengeluaran diurus secara sistematik, tanpa menjejaskan kualiti buah yang dihasilkan.

"Inovasi utama MARDI ialah teknologi penyejukbekuan kriogenik yang menggunakan nitrogen cecair dan ia mampu memanjangkan hayat simpanan durian sehingga enam bulan.

"Pihak kami turut membangunkan teknologi pembungkusan atmosfera terubahsuai (MAP) dan kawalan atmosfera (CA) yang membolehkan durian segar disimpan sehingga tiga minggu," katanya kepada *Utusan*.

PETALING JAYA: Pelaksanaan teknologi penuaian dan pasca-tuai mampu menjadi isu lambakan durian bermusim.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata, pengurusan lepas tuai yang berkesan mampu mengurangkan lambakan, khususnya ketika musim puncak pengeluaran durian.

Katanya, teknologi peman-

san Malaysia.

Penggunaan teknologi itu katanya, membolehkan pengeluaran durian dilaksanakan secara berperingkat, sekali gus mengurangkan tekanan lambakan mendadak di pasaran tempatan.

Mohamad Zabawi berkata, pendekatan tersebut turut membantu menstabilkan harga durian dan mengelakkan nilai jatuh ketika bekalan meningkat secara serentak.

"Dalam pada itu, teknologi pascatuai ini menyokong peluasan pasaran termasuk eksport dengan memastikan kualiti du-

rian kekal terpelihara sepanjang rantaian bekalan," katanya.

Sementara itu, Pakar Agronomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Norida Mazlan berkata, lambakan durian berpunca daripada kelemahan perancangan industri dan tumpuan berlebihan kepada varieti klonal premium.

Katanya, integrasi pertanian moden dan teknologi pascatuai perlu dijadikan dasar menyeluruh bagi memastikan pengeluaran, kualiti dan pasaran dapat diseimbangkan.

"Kegagalan menyusun per-

alihan secara tersusun berisiko

membebaskan pekebun kecil yang masih menjadi tulang belakang bekalan durian tempatan," katanya.

Baru-baru ini *Utusan Malaysia* melaporkan, pengusaha kebun durian menggesa kerajaan membantu dalam peralihan kepada kebun durian moden yang lebih tersusun dan mampan.

Langkah tersebut dilihat sebagai langkah penyelesaian bagi menstabilkan industri durian yang kini berdepan isu lambakan, kualiti tidak seragam dan kebergantungan kepada orang tengah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

LKIM tangguh bantuan sehingga nelayan patuh peraturan perikanan

Oleh WAT KAMAL ABAS
utusannews@medianulla.com.my

PARIT BUNTAR: Pencerobohan zon tangkapan, penyalahgunaan minyak diesel bersubsidi antara kesalahan sering dikesan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Perak.

Pengarah LKIM Perak, Ahmad Zulkifli Ismail berkata, semua nelayan yang melakukan kesalahan itu termasuk penggunaan peralatan penangkapan ikan yang dilarang akan dikenakan tindakan tegas termasuk penangguhan bantuan.

"Semua kesalahan ini akan dikenakan tindakan tegas, termasuk penangguhan bantuan dan subsidi kerajaan kepada nelayan terlibat sementara siasatan dijalankan oleh agensi penguat kuasa berkaitan," katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas mengetuai operasi bersepadu bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Kuala Kurau di perairan Kerian dan Larut Matang Selama di sini semalam.

Turut serta Pengarah Zon Maritim Kuala Kurau, Komander Maritim Mohd. Hairil Oth-



ANGGOTA Maritim Malaysia Zon Kuala Kurau dan LKIM Perak membuat pemeriksaan ke atas sebuah bot dalam operasi bersepadu di Perairan Kerian dan Larut Matang semalam. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

man.

Ahmad Zulkifli berkata, tindakan tersebut diambil bagi memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap undang-undang perikanan, selain membendung ketirisan subsidi kerajaan melibatkan dana awam yang boleh menjejaskan kelestarian sumber perikanan negara.

"Kerajaan menyalurkan pelbagai bentuk bantuan dan subsidi kepada nelayan di seluruh negara bagi meringankan kos operasi dan menjamin kelangsungan industri perikanan tempatan.

"Namun, ketirisan dan penyalahgunaan subsidi diesel dikenal pasti sebagai isu nasional yang perlu ditangani se-

cara tegas kerana memberi kesan langsung terhadap keadilan sosial dan keberkesanan dasar bantuan kerajaan," katanya.

Sementara itu, Mohd. Hairil berkata, kerjasama strategik antara pihaknya dan LKIM akan diteruskan berdasarkan penilaian risiko semasa, dengan operasi bersepadu dirancang secara

berkala bagi memastikan pematuhan undang-undang perikanan di perairan negara.

"Operasi bersama julung kali ini dilaksanakan di perairan Kerian dan Larut Matang, yang dikenal pasti sebagai kawasan aktif dengan aktiviti perikanan serta berisiko tinggi melakukan pelanggaran undang-undang," katanya.

Katanya, sebanyak 65 kes tangkapan dan rampasan berkaitan pelanggaran Akta Perikanan 1985 direkodkan di perairan Kerian dan Larut Matang sepanjang tahun 2025 dengan 1,700 unit bubu naga telah dilucut hak dan dilupuskan.

"Statistik ini jelas menunjukkan keperluan penguatkuasaan berterusan yang dilaksanakan tanpa sebarang kompromi.

"Walaupun tiada kes pencerobohan zon dikesan sepanjang operasi bersepadu kira-kira tiga jam dari Kuala Kurau hingga Pasir Hitam, Maritim Malaysia Zon Kuala Kurau berjaya merampas 15 unit bubu naga bernilai kira-kira RM1,500 yang tidak dibenarkan digunakan dalam aktiviti penangkapan ikan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	22

Kadar potongan pemutuan padi didakwa melampau

Pesawah rayu kerajaan campur tangan bantu selesai isu

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

Kepala Batas: Pesawah di Penaga, dekat sini merayu kerajaan campur tangan dan membantu mencari penyelesaian isu peningkatan kadar potongan pemutuan padi yang didakwa semakin melampau sehingga menjejaskan periuk nasi mereka.

Pesawah, Ruzi Mohd Fadzil, 52, mendakwa kadar minimum potongan pemutuan padi yang ditetapkan pengilang meningkat daripada kira-kira 20 peratus kepada 24 peratus bermula November lalu yang dikhuatiri membebankan petani dalam jangka panjang jika tidak dikawal.

"Kenaikan potongan ini walaupun nampak macam sikit, empat peratus sahaja, dalam aspek margin bagi setiap lapan tan, kadar penyusutan pendapatan yang kami hadapi ialah sekitar RM500 hingga RM650.

"Saya sendiri mengusahakan sawah seluas dua hektar yang boleh menghasilkan 16 tan padi semusim. Jadi, kalau dihitungkan, kenaikan jumlah potongan ini sangat membebankan kerana kos penanaman padi bukan murah.



Sekumpulan pesawah di Penaga mengadakan protes berhubung isu peningkatan kadar potongan pemutuan padi oleh pengilang, semalam.
(Foto Aminah Yusof/BH)

"Peningkatan kadar potongan ini juga menjejaskan jumlah subsidi yang kami terima sedangkan kos lain, misalnya upah traktor, harga baja, racun perosak sudah meningkat," katanya.

Ruzi berkata, pesawah lebih tersepit kerana harga benih padi turut meningkat hampir sekali ganda, mencecah RM54 hingga RM60 untuk setiap 20 kilogram (kg) berbanding RM32 bagi jumlah sama sejak enam musim penanaman padi yang lalu.

"Kami di sini tanam padi setahun dua musim. Maaf cakap, kualiti benih yang diterima juga tidak berapa bagus sekarang berbanding dulu tetapi kami tiada pilihan ker-

ana hanya boleh beli benih berdaftar," katanya.

Terpaksa jual rumah

Bagi Mohd Yusri Mustafa, 47, dugaan pesawah kali ini terasa berat kerana dia terpaksa menjual rumah didiami bersama isteri dan empat anak serta tinggal bersama orang tuanya untuk menampung kos penanaman padi dan perbelanjaan lain.

Katanya, dia menyewa kira-kira 13 hektar tanah di Paya Keladi, Padang Tembusu dan Permatang Sintok, dekat sini dengan bayaran mencecah RM7,000 semusim, selain menanggung belanja semua anak yang masih bersekolah, termasuk anak sulung yang baru

mendaftar program matrikulasi.

"Harga lantai belian padi RM1,500 setiap tan. Jika dipotong, anggaran yang tinggal lebih kurang RM1,050. Saya tertanya-tanya, adakah padi tempatan kita teruk sangat sampai kena potong sebanyak itu. Di negeri lain, saya dengar ada potong sampai 27 peratus hingga 30 peratus," katanya.

Sementara itu, Muhammad Ikhwan Zulkifli, 27, berkata penat lelah mengusahakan sawah mengeluarkan makanan asasi rakyat Malaysia itu dirasakan tidak berbaloi apabila dia memperoleh keuntungan kira-kira 30 peratus yang hanya boleh dirasakan dalam tempoh enam bulan.

Kata
SayaBersama
DR FAIZ
MASNAN

- Kenaikan kos input dan beban operasi ladang
- Implikasi terhadap keselamatan makanan negara

JIKA kita berkunjung ke pasar raya atau pasar basah hari ini, satu perkara yang jelas ketara ialah harga buah-buahan tempatan yang selalunya lebih mahal berbanding buah import.

Mangga tempatan boleh mencecah harga yang hampir sama atau lebih tinggi daripada epal dari China, oren dari Australia, atau anggur dari beberapa negara lain.

Situasi ini menimbulkan persoalan yang wajar, iaitu mengapa hasil tanah air sendiri menjadi kurang mampu milik berbanding buah yang diimport dari ribuan kilometer jauhnya?

Secara logiknya, buah-buahan tempatan sepatutnya lebih murah kerana tidak melibatkan beberapa kos rentas sempadan antara negeri mahupun benua, seperti kos penghantaran jarak jauh, cukai import, atau risiko pertukaran mata wang asing.

Namun realiti pasaran menunjukkan sebaliknya. Keadaan ini bukan berlaku secara kebetulan, tetapi berpunca daripada gabungan masalah struktur dalam rantaian bekalan pertanian sesebuah negara.

Sebelum kita mengupas isu utama, mari kenali buah-buahan tempatan yang sering dihasilkan, dimakan dan dieksport oleh petani mahupun pengeluar buah tempatan yang ada di negara ini.

Menurut Jabatan Pertanian dan Jabatan Perangkaan, terdapat beberapa buah utama di Malaysia iaitu betik, pisang, nanas, durian, belimbing, jambu batu, tembikai, nangka, rambutan dan manggis, cempedak dan buah naga.

Berdasarkan kuantiti dan berat, buah durian, pisang dan tembikai mengungguli carta tertinggi penghasilan buah, diikuti oleh betik, rambutan, jambu batu, nangka, buah naga, manggis dan cempedak.

Pengeluaran tidak stabil

Antara punca utama ialah skala pengeluaran yang kecil dan tidak konsisten. Jika dilihat dari kuantiti buah-buahan yang dihasilkan, ia mungkin tidak sebanyak yang dihasilkan oleh negara-negara pengeluar buah utama dunia seperti China, India, Eropah, Australia, Amerika Syari-



MEMBELI buah-buahan tempatan bermakna menyokong usaha golongan petani di kawasan luar bandar dalam meningkatkan taraf ekonomi mereka.

- GAMBAR HIASAN

Buah tempatan lebih mahal berbanding buah import?

kat dan beberapa negara lain.

Di sini, kebanyakan petani buah-buahan tempatan merupakan pengusaha kecil yang menguasai kebun berskala terhad. Pengeluaran yang tidak menentu akibat faktor cuaca, serangan penyakit tanaman, dan kekurangan teknologi moden menyebabkan bekalan buah tempatan sukar distabilkan sepanjang tahun.

Apabila bekalan berkurangan, harga meningkat, walaupun permintaan pengguna kekal tinggi.

Selain itu, kos pengeluaran yang tinggi turut menyumbang kepada harga yang mahal. Bagi menghasilkan buah yang berkualiti, beberapa faktor pengeluaran perlu diberi perhatian khusus.

Harga baja, racun perosak, upah buruh mengikut gaji minimum, dan kos penyelenggaraan kebun yang diperlukan kian meningkat. Akhirnya, kos tersebut dipindahkan kepada pengguna yang mengakibatkan peningkatan kepada harga buah-buahan tersebut di pasaran. Isu orang tengah juga tidak boleh diketepikan.

Dalam banyak kes, petani tidak menjual terus kepada pengguna atau peruncit besar. Buah-buahan melalui beberapa lapisan pengedar sebelum sampai ke pasaran. Setiap lapisan menambah margin keuntungan,

menyebabkan harga akhir melonjak jauh daripada harga ladang.

Petani menerima pulangan yang rendah, manakala pengguna terpaksa membayar harga yang tinggi. Turut diambil kira adalah pengangkutan yang menjadi medium pengedaran hasil tanaman tersebut ke banyak lokasi berasingan yang terdapat di seluruh negara.

Hal ini berkait langsung dengan penggunaan bahan bakar seperti petrol dan diesel yang sentiasa berubah mengikut harga pasaran semasa dunia.

Ironinya, buah import pula mendapat manfaat daripada rantaian bekalan yang cekap dan terancang.

Negara pengekspor utama mempunyai sistem logistik yang baik, kontrak jangka panjang dengan pembeli, serta keupayaan menyimpan buah-buahan dalam tempoh lama mengikut jenis buah.

Ini membolehkan buah import dijual pada harga yang lebih stabil dan kadangkala lebih murah walaupun kos penghantaran adalah tinggi.

Dari sudut tingkah laku pengguna pula, terdapat kecenderungan untuk mengangap buah import sebagai lebih dipandang tinggi, berkualiti, lebih cantik, dan lebih premium.

Persepsi jadi faktor

Persepsi ini mendorong permintaan yang tinggi terhadap buah import, sekali gus memberi tekanan harga kepada buah tempatan yang dilihat kurang menarik dari segi saiz atau rupa, walaupun sebenarnya lebih segar dan berkhasiat.

Terdapat juga trend di mana sesetengah jenis buah luar negara tersebut mendapat sambutan hangat pada waktu tertentu yang didorong oleh pengaruh di media sosial yang akhirnya membantu melonjakkan lagi permintaan buah dari luar negara tersebut.

Sebagai rakyat, isu ini perlu dilihat bukan sekadar soal harga, tetapi soal keselamatan makanan dan kelangsungan sektor pertanian negara.

Jika petani tempatan terus tertekan dan hasil mereka tidak mampu bersaing di pasaran, generasi muda akan semakin menjauhi sektor pertanian sebagai bidang kerjaya di masa hadapan.

Dalam jangka panjang, negara akan menjadi lebih bergantung kepada import makanan, sekali gus terdedah kepada risiko gangguan bekalan global mahupun perdagangan negara. Penyelesaiannya memerlukan pendekatan yang menyeluruh. Organisasi yang berkaitan

boleh memperkukuh sokongan kepada petani melalui subsidi bersasar, latihan teknologi pertanian moden, bengkel penyampaian ilmu berkaitan pertanian khusus, serta platform pemasaran terus kepada pengguna dan pembekal. Pengurangan peranan orang tengah dan pengukuhan koperasi petani juga membantu menstabilkan harga.

Pada masa yang sama, kempen kesedaran awam perlu digiatkan bagi mengubah persepsi pengguna terhadap nilai buah tempatan.

Akhirnya, persoalan mengapa buah tempatan lebih mahal daripada buah import bukan sekadar isu ekonomi, tetapi cerminan keutamaan kita sebagai sebuah negara.

Menyokong buah-buahan tempatan bermakna menyokong petani, ekonomi luar bandar, tenaga kerja mahir dan masa depan keselamatan makanan Malaysia.

Jika isu ini tidak ditangani secara serius, kita mungkin akan terus menyaksikan hasil bumi sendiri menjadi barang mewah di tanah air sendiri.

DR. FAIZ MASNAN ialah Pensyarah Kanan Fakulti Perniagaan & Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis